Gymtech Feedmill (Malacca) Sdn Bhd lwn Rajendram a/l Annamalai

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 2–16–8 TAHUN 2006
MOHTARUDIN H
27 FEBRUARY 2008

Undang-Undang Buruh — Pekerjaan — Pembuangan kerja — Pembuangan kerja tanpa notis — Sama ada siasatan dalaman adalah sah — Sama ada saksi perlu dipanggil jika responden mengakui kesalahan — Akta Pekerjaan 1955 s 14

Responden dalam rayuan ini telah dituduh mencuri atau cubaan mencuri harta syarikat. Responden telah mengaku kepada pihak atasan syarikat bahawa responden seorang sahaja yang terlibat dalam mencuri harta syarikat tersebut. Satu siasatan dalaman telah dilakukan dan responden didapati bersalah dan seterusnya dibuang kerja. Responden walau bagaimanapun, telah merujuk kes ini ke Mahkamah Buruh yang mana telah membenarkan tuntutan responden. Perayu bergantung kepada s 14 Akta Pekerjaan 1955 merayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

Dari nota keterangan menunjukkan bahawa, responden telah melakukan satu kesalahan yang serius. Keterangan responden adalah penafian kosong dan satu pemikiran semula. Siasatan dalaman adalah satu proses 'to inquire as to the guilt'. Jika responden mengakui dan minta diberi peluang, tiada keperluan 'to inquire'. Oleh kerana responden telah mengakui kesalahan yang dilakukan, saksi-saksi tidak perlu dipanggil bagi memberikan keterangan (lihat perenggan 15–16); *Rohana bte Ariffin & Anor v Universiti Sains Malaysia* [1989] 1 MLJ 487; *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* [1962] MLJ 169, *Re R Sambasivam* [1969] 1 MLJ 219 dibeza dan *UMW Toyota (M) Sdn Bhd v Chow Weng Thiem* [1996] 5 MLJ 678 dirujuk.

[English summary

The respondent in this appeal was charged for stealing or attempt to steal company property. The respondent admitted to the upper management that the respondent was the only one involved in stealing the company's property.

A domestic inquiry was conducted and the respondent was found guilty and subsequently terminated. The respondent however, referred this case to the Labour Court which allowed the respondent's claim. The appellant relied on s 14 of the Employment Act 1955 to appeal against the decision.

Held, allowing the appeal with costs:

From the notes of evidence showed that, the respondent had committed a serious offence. The respondent's evidence was mere denial and an afterthought. A domestic inquiry was a process 'to inquire as to the guilt'. If the respondent admitted and asked to be given an opportunity, there was no need 'to inquire'. As the respondent had admitted to the offence committed, the witnesses was not required to be called to give evidence (see paras 15–16); *Rohana bte Ariffin & Anor v Universiti Sains Malaysia* [1989] 1 MLJ 487; *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* [1962] MLJ 169, *Re R Sambasivam* [1969] 1 MLJ 219 distinguished and *UMW Toyota (M) Sdn Bhd v Chow Weng Thiem* [1996] 5 MLJ 678 referred.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 920–953.

Kes-kes yang dirujuk

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] MLJ 169 (dibeza)

Dreamland Corporation (M) Sdn Bhd v Choong Chin Sooi & Industrial Court of Malaysia [1988] 1 MLJ 111 (diikut)

R Sambasivam, Re [1969] 1 MLJ 219 (dibeza)

Rohana bte Ariffin & Anor v Universiti Sains Malaysia [1989] 1 MLJ 487 (dibeza)

UMW Toyota (M) Sdn Bhd v Chow Weng Thiem [1996] 5 MLJ 678 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pekerjaan 1955 s 14

Kumari Bala (Kumari Bala & Co) bagi pihak responden.
Kee Tong Kiak (Chee Siah Le Kee & Partners) bagi pihak perayu.

Mohtarudin H:

FAKTA KES

[1] Claimant/responden (pekerja) telah didapati bersalah oleh satu inkuiri yang dijalankan oleh perayu (majikan) atas pertuduhan mencuri atau cuba

mencuri harta syarikat iaitu dua tong (drums) minyak masak. Akibatnya responden (pekerja) telah dibuang kerja.

[2] Penolong Pengarah Tenaga Kerja di dalam alasan penghakimannya di ms 118 rekod rayuan membenarkan tuntutan responden (pekerja):

> Exhibit R1 iaitu 'domestic inquiry' yang dikemukakan oleh pihak yang kena tuntut adalah meragukan kerana tiada unsur-unsur 'nature justice' dan tidak lengkap perlaksanaan prosedur 'domestic inquiry' dan tidak lengkap perlaksanaan prosedur 'domestic inquiry'yang telah dijalankan. Secara keseluruhan 'domestic inquiry'yang dijalankan lebih bertumpu kepada penerangan atau keterangan dan cerita yang diulang balik. Tidak ada langsung prosedur yang sebenar atau betul untuk menjalankan 'domestic inquiry'. Selain itu pihak yang menuntut juga tidak diberi peluang untuk memberi penjelasan tetapi pihak yang kena tuntut hanya menyatakan dalam keterangan 'domestic inquiry'nya bahawa pihak yang menuntut mengaku kesalahan tersebut tanpa dapat dibuktikan kesahihannya …

ISU YANG PERLU DIPUTUSKAN

[3] Rayuan di hadapan saya berkisar kepada tiga isu:

(i) whether there was due inquiry;

(ii) whether absence of due inquiry may be cured by hearing before the Labour Court;

(iii) whether the claimant was guilty of misconduct.

[4] Peguam perayu (majikan) bergantung kepada s 14 Akta Pekerjaan 1955:

> Termination of contract for special reasons.
>
> (1) An employer may, on the grounds of misconduct inconsistent with the fulfillment of the express or implied conditions of his service, after due inquiry —
>
> (a) dismiss without notice the employee;

[5] Saya telah meneliti rekod rayuan Mahkamah Buruh. DW1 Ikhwanudin (ms 15–22 rekod rayuan) adalah control panel operator syarikat. DW1 mengatakan pada 26 April 2005 beliau bekerja bersama Santoso (DW2), Rajendram (claimant/responden) dan Tun Sein sedang buat dedak 9300. Sepatutnya setiap batch menggunakan enam tong minyak masak; tetapi pada hari itu mereka hanya gunakan lima tong dalam satu 'batch'. Satu tong minyak masak yang tidak digunakan telah diarahkan oleh Rajendram (claimant/responden) untuk dimasukkan ke dalam 'bucket' forklift.

Ini bukanlah kali pertama Rejendram (claimant/responden) mengarahkan DW1 berbuat demikian (rujuk ms 16 rekod rayuan).

[6] DW1 sahkan beliau ada hadir beri keterangan di dalam domestic inquiry pada 26 April 2005 yang dihadiri oleh Mr Koh, Mr Yap dan Thanabalan. Di dalam ms 21 DW1 menerangkan semasa beliau bertugas satu 'batch' dedak dilakukan. 'Batch' kedua beliau tidak terlibat.

[7] DW2 Santoso (ms 23–28), juga seorang panel control operator. Pada 26 April 2005 lebih kurang 12 tengahari keterangan DW2 menyokong keterangan DW1. DW2 mengatakan dua tong minyak masak di dalam 'bucket' forklift. DW2 juga mengatakan bahawa claimant/responden yang mengarahkan DW2 meletakkan forklift di belakang kilang. Di dalam 'bucket' forklift tersebut terdapat tong-tong minyak yang kosong, bekas bungkusan bahan mentah dan dua tong minyak masak yang masih berisi. Kandungan 'bucket' ini akan dibuang.

[8] DW3 Liow Meng Sang. Saksi ini ambil gambar 'bucket' berisi barang tersebut. DW4 Yong Ching Kee. Saksi ini melihat claimant/ responden melompat naik forklift yang sedang dipandu oleh Encik Koh Eng Beng pada hari tersebut.

[9] DW5 Encik Koh Eng Beng (ms 33–43) jawatan beliau ialah pengurus kilang berkenaan. Beliau dan seorang pekerja lain bernama Thanabalan telah mengesyaki kecurian dua tong minyak masak tersebut. DW5 telah menggeledah bucket forklift yang berisi sampah untuk dibuang dan telah menjumpai dua tong minyak masak tersebut.

[10] Semasa DW5 memandu forklift tersebut masuk ke arah pejabat, claimant/responden telah berlari ke arah DW5 dan melompat naik forklift dan berkata 'saya yang ambil Koh. Tolong bagi saya peluang'. DW5 telah melaporkan perkara itu kepada pihak atasan syarikat Encik Yap Shun Hin (DW6). Semasa menunggu ketibaan DW6, claimant/responden berkali-kali minta maaf.

[11] Selepas DW6 tiba, beliau masuk bilik tetamu bersama DW5, Thanabalan dan claimant/responden. DW6 bertanya kepada claimant/responden adakah dia mencuri dua tong minyak masak. Claimant/responden mengaku dan mengatakan hanya dia seorang yang terlibat. DW5 telah membuat laporan polis pada 28 Jun 2005 mengenai kejadian tersebut.

[12] Rekod 'domestic inquiry' (eksibit R1 — ms 132 rekod rayuan dipengerusikan oleh DW6 yang dihadiri oleh DW6, DW5, Thanabalan dan claimant/responden.

[13] Hujah peguam claimant/respondent bahawa inkuiri yang dijalankan adalah tidak sah atas alasan: A

(i) DW5, selaku pengadu telah memberi taklimat kepada DW6 iaitu pengerusi inkuiri. DW5 adalah penyiasat dan pendakwa. Peguam terpelajar memetik kes *Rohana bte Ariffin & Anor v Universiti Sains Malaysia* [1989] 1 MLJ 487; B

(ii) DW1 dan DW2 tidak hadir beri keterangan semasa inkuiri. Mereka hanya memberi pengakuan bertulis selepas claimant/responden meninggalkan pejabat;

C

(iii) tiada kertas pertuduhan;

(iv) tiada notis inkuiri diberi;

(v) claimant/responden diugut supaya mengaku jika tidak laporan polis akan dibuat. D

[14] Dari keterangan claimant/responden (ms 6–15 rekod rayuan) adalah jelas ianya satu 'bare denial'. Keterangan beliau tidak disokong.

[15] Dari nota keterangan adalah jelas bahawa claimant/responden telah melakukan satu kesalahan yang serius. Saya bersetuju dengan hujah peguam perayu/majikan bahawa di dalam kes-kes *Rohana bte Ariffin*, *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* [1962] MLJ 169 dan *Re R Sambasivam* [1969] 1 MLJ 219 adalah berbeza. Di dalam kes-kes tersebut pekerja/plaintif tidak mengaku salahlaku yang dikatakan. Di dalam kes di hadapan saya adalah jelas claimant/responden mengakui kesalahan, malah keterangan adalah 'overwhelming' menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh claimant/responden. Keterangan claimant/responden adalah 'bare denial' dan 'afterthought'. Inkuiri adalah satu proses *to inquire as to the guilt*. Jika claimant/responden mengakui dan minta diberi peluang, tiada keperluan 'to inquire'. E F G

[16] Saya bersetuju bahawa tiada saksi-saksi perlu dipanggil jika claimant/responden mengakui kesalahan yang dilakukan. Saya juga merujuk kes *UMW Toyota (M) Sdn Bhd v Chow Weng Thiem* [1996] 5 MLJ 678, Held (3): H

> In light of the respondent's admission at a domestic inquiry, the court was under no further obligation to make any further inquiry and a decision or an order could be made based on the admission. In any event, the evidence supported the case against the respondent. The gross misconduct on the respondent's part must therefore be borne by himself and prayer (i) should not have been granted (see p 688D–G); *Barton v Fincham* [1921] 2 KB 291, *Thorne v Smith* [1947] 1 KB 307 and *Middleton v Baldock* [1950] 1 KB 657 followed. I

[17] Saya bersetuju bahawa dengan berpandukan kepada kes Supreme Court *Dreamland Corporation (M) Sdn Bhd v Choong Chin Sooi & Industrial Court of Malaysia* [1988] 1 MLJ 111:

> 32 The short answer to Mr Lobo's argument is that the right to a hearing or as it is sometimes called the observance of procedural safeguards are only applicable in respect of a hearing before an administrative tribunal and similar quasi judicial tribunals performing judicial functions but do not apply to simple master-servant proceedings, such as the present one.

[18] Dengan itu rayuan dibenarkan dengan kos.

Rayuan dibenarkan dengan kos.

Reported by Zalmanizam Mahadi